

Peguam UK gagal singkir 2 hakim rayuan wakili Najib

Panel tiga Hakim Mahkamah Persekutuan sebulat suara dapati permohonan tiada merit

Oleh Roselan AD Malek
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Mahkamah Persekutuan semalam menolak permohonan Peguam Kanan dari United Kingdom, Jonathan Laidlaw supaya dua hakim menarik diri daripada mendengar rayuannya untuk mewakili Datuk Seri Najib Razak dalam rayuan akhir kes penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd.

Panel tiga Hakim Mahkamah Persekutuan dipengerusikan Hakim Datuk Zabariah Mohd Yusof,

bersama-sama Datuk Nordin Hassan dan Datuk Abu Bakar Jais sebulat suara membuat keputusan itu selepas mendapati permohonan itu tidak mempunyai merit.

Pada awal prosiding rayuan itu pagi semalam, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah membangkitkan permohonan supaya Nordin dan Abu Bakar menarik diri dengan alasan mereka terbabit dalam pendengaran permohonan Najib untuk menyemak keputusan Mahkamah Persekutuan yang menolak.

Sementara itu, panel terbabit turut membenarkan permohonan Pendakwa Raya kes SRC untuk dinamakan sebagai pencelah dalam rayuan berkenaan.

Pada 21 Julai tahun lalu, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Ahmad Kamal Md Shahid menolak permohonan Laidlaw untuk diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Tinggi Malaya selepas mendapati tidak ada keperluan untuk membawa masuk peguam itu bagi mewakili Najib

dalam rayuan akhir berkenaan.

Muhammad Shafee yang mengikrarkan affidavit bagi menyokong permohonan berkenaan, mengemukakan alasan Laidlaw mempunyai kelayakan dan kepakaran yang tidak boleh didapati dalam kalangan peguam bela dan peguam cara di negara ini.

Ini adalah kerana rayuan terakhir kes SRC International membatalkan isu yang serius kompleks dan novel iaitu cabang undang-undang jenayah dan sivil, amalan dan keterangan, hak perlembagaan, cara pendakwaan dijalankan oleh pihak Pendakwa Raya, penghakiman kes mahkamah jenayah oleh mahkamah perbicaraan dan pentadbiran sistem Keadilan Jenayah.

Pada 28 Julai 2020, Hakim Mahkamah Tinggi (kini hakim Mahkamah Rayuan) Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali mendapati Najib bersalah di atas tujuh pertuduhan pecah ama-

nah, menyalahgunakan kedudukan dan pengubahan wang haram dana RM 42 juta milik SRC.

Mohd Nazlan sehubungan itu menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta ke atas Najib, dan keputusan itu dikekalkan Mahkamah Rayuan pada 8 Disember 2021 serta panel lima Hakim Mahkamah Persekutuan dipengerusikan Ketua Hakim Negara Tun Tengku Maimun Tuan Mat, pada 23 Ogos tahun lalu.

Najib sedang menjalani hukuman penjara di Penjara Kajang.



Prosiding diteruskan dengan permohonan Jabatan Peguam Negara untuk membatalkan rayuan Laidlaw.